

**RANCANGAN PERNIAGAAN**  
**“COMPUTER WIRE HARNESS”**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**ENCIK KHAIRUL ANWAR SUBARI**  
**PENSYARAH ETR 300**  
**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN PERLIS**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**M. JAFFRI BIN OTHMAN**  
**94510655**  
**AKBAR BIN ABU HANIPAH**  
**94642020**  
**AMIRRULLATIF BIN MOHD.**  
**94647340**  
**KHAIRUL AZMAN BIN MD AMIN**  
**94607021**  
**MOHAMAD INDERA KESUMA BIN MOHAMED JAMIL**  
**94662927**

**KAJIAN SAINS GUNAAN**

**KURSUS DIPLOMA SAINS**  
**SEMESTER 5**

**TARIKH :**  
**31 MAC 1997**

## **ISI KANDUNGAN**

**mukasurat**

Surat Penyerahan Rancangan Perniagaan	I
Penghargaan	II
Pendahuluan	III
Logo Syarikat	IV
Bahagian 1 : Pengenalan	1
Bahagian 2 : Tujuan Rancangan Perniagaan (RP)	2
Bahagian 3 : Latar Belakang Syarikat	3
Bahagian 4 : Latar Belakang Ahli Kongsi	5
Bahagian 5 : Rancangan Pentadbiran	10
Bahagian 6 : Rancangan Pemasaran	20
Bahagian 7 : Rancangan Operasi	27
Bahagian 8 : Rancangan Kewangan	46
Lampiran	65

## **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN**

Syarikat Computer Wire Harness Sdn. Bhd. bertempat di Main Road Sungai Lalang, Bedong, Kedah telah ditubuhkan bagi menawarkan sejenis barangan iaitu wayar *harness* komputer. Syarikat ini adalah satu-satunya syarikat yang menawarkan barangan ini memandangkan wayar *harness* komputer belum lagi terdapat di Malaysia.

Di atas kesedaran kami, betapa pentingnya wayar *harness* komputer diperlukan bagi memperlihatkan bidang komputer akan bertambah canggih dan sistematik, maka syarikat Computer Wire Harness Sdn. Bhd. ditubuhkan dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada Januari 1999. Matlamat utama kami, pada masa hadapan ialah agar wayar-wayar komputer tidak lagi bertaburan dan agar kelihatan kemas bagi melambangkan kedisiplinan rakyat Malaysia.

Syarikat Computer Wire Harness Sdn. Bhd. meramalkan bahawa pasaran barangan ini tidak menimbulkan masalah memandangkan syarikat ini adalah ulungan bagi pengeluaran barangan ini. Syarikat ini akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat komputer di Malaysia agar memperkemaskan lagi sistem wayar-wayar komputer dengan barangan pengeluaran syarikat ini.

Lantas itu, Syarikat Computer Wire Harness Sdn. Bhd. begitu yakin dengan pasaran di Malaysia dan matlamat syarikat ini ingin memperlihatkan sistem wayar-wayar komputer diperkemaskan akan tercapai.

## **BAHAGIAN 2 : TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN (RP)**

Dewasa ini teknologi komputer telah berkembang dengan pesatnya di seluruh dunia. Malaysia juga turut tidak ketinggalan menerima teknologi komputer ini.

Bukan sahaja syarikat dan badan-badan kerajaan mahupun swasta telah menjadikan komputer suatu alat yang penting dalam pengurusan malahan Malaysia kini berlumba-lumba menguasai teknologi terkini.

Lantaran itu, kami menyiapkan rancangan perniagaan ini untuk dijadikan garis panduan dalam menguruskan perniagaan dan Computer Wire Harness Sdn. Bhd. akan ditubuhkan berdasarkan kepentingan-kepentingan berikut:

1. Mengeluarkan Hardware tambahan untuk memperkemaskan sistem bus pada komputer.
2. Menyediakan alat ini bagi kemudahan kepada pengguna-pengguna komputer individu, syarikat, agensi-agensi dan badan-badan tertentu supaya sistem pengkomputeran lebih kemas dan tersusun.
3. Menggalakkan pembabitan individu, syarikat dan badan-badan bumiputera dan industri yang berkaitan dengan komputer.
4. Merebut peluang perniagaan dalam perkembangan pesat teknologi komputer pada masa kini masa akan datang.

### **BAHAGIAN 3 : LATAR BELAKANG SYARIKAT**

Nama Syarikat : Computer Wire Harness Sdn. Bhd.

Alamat Syarikat : Main Road Sungai Lalang,  
08100 Bedong,  
Kedah Darul Aman.

Alamat Surat Menyurat : (sama seperti di atas)

No. Telefon : (masih dalam proses)

Bentuk Perniagaan : Syarikat Sendirian Berhad

Kegiatan Utama : Mengeluar, membekal dan memasarkan wayar *harness* komputer.

Tarikh Memulakan Perniagaan : 1 Januari 1999

Tarikh Pendaftaran : (belum didaftarkan lagi)

No. Pendaftaran : (Tiada)

Modal Permulaan : 1. Modal Dibenarkan = RM 155 600.00  
2. Modal berbayar = RM 200 000.00

Nama Bank Digunakan : Bank Industri

Jenis Akaun Perniagaan : Semasa